



**PANDUAN TATACARA PEMBACAAN DOA DALAM MAJLIS-MAJLIS
RASMI DAN SEPARUH RASMI KERAJAAN DI
HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH**

1. TUJUAN

- 1.1 Panduan ini disediakan untuk pihak-pihak yang terlibat dalam menganjurkan sesuatu Majlis Rasmi dan Majlis Separuh Rasmi yang melibatkan bacaan doa.

2. PENDAHULUAN

- 2.1 Doa adalah satu ibadat. Ia merupakan satu tanda kerendahan hamba terhadap Allah S.W.T. Ia boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan. Sesuatu doa itu hendaklah dilakukan dengan ikhlas, khusyuk, tertib penuh tawadu' dan mesti dilakukan dengan cara yang sesuai dengan kehendak syarak. Ini bermakna doa tidak boleh dilakukan sebagai satu budaya atau adat. Doa merupakan satu cara hidup yang diajar oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam.
- 2.2 Sebagai satu ibadah, doa hendaklah dilakukan di tempat yang betul, masa yang sesuai dan suasana yang baik. Panduan doa ini adalah bagi bacaan doa secara berkumpulan atau beramai-ramai yang dilakukan dalam mana-mana majlis atau upacara rasmi atau separuh rasmi di hospital ini.

3. RASIONAL

- 3.1 Perlembagaan Persekutuan (Perkara 3) memperuntukkan bahawa agama Islam adalah Agama Bagi Persekutuan. Oleh itu amalan membaca doa dalam Majlis-majlis Rasmi dan Separuh Rasmi Kerajaan adalah suatu amalan yang suci dan murni sesuai dengan kedudukan agama Islam di negara ini.

4. TAKRIF

- 4.1. Majlis Rasmi.

Majlis Rasmi adalah suatu majlis yang dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

- 4.2 Majlis Separuh Rasmi.

Majlis Separuh Rasmi adalah majlis yang yang dianjurkan selain dari kerajaan tetapi dihadiri oleh para pembesar atau pemimpin negara, sama ada di peringkat negeri atau persekutuan (negara).

 UPM UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA BERILMU BERBAIKTI	HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA Kod Dokumen: HSAAS/UHEI/GP15 PANDUAN TATACARA PEMBACAAN DOA DALAM MAJLIS-MAJLIS RASMI DAN SEPARUH RASMI KERAJAAN DI HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH
--	--

4.3 Doa.

Doa ialah satu ucapan permohonan iaitu memohon dari hamba (manusia) kepada Allah dengan hati yang ikhlas bagi mendapat rahmat, inayah (pertolongan) dan juga bagi dijauhkan dari bala' bencana dengan cara dan adab yang tertentu.

5 TARAF PEMBACA DOA

- 5.2 Pembaca doa bagi majlis di peringkat persekutuan yang dihadiri oleh Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong, doa hendaklah dibaca oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri atau Timbalan Mufti.
- 5.3 Pembaca doa bagi majlis di peringkat negeri yang dihadiri oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Raja atau Tuan Yang Terutama, doa hendaklah dibaca oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri atau Timbalan Mufti atau amalan yang biasa diguna pakai oleh negeri tersebut.
- 5.4 Bagi majlis-majlis lain, pembaca doa boleh dilantik daripada kalangan mereka yang layak, seperti mana dalam para 6 di bawah.

6 KRITERIA PEMBACA DOA

- 6.2 Pembaca doa seelok-eloknya seorang lelaki dan beragama Islam, boleh menyebut perkataan-perkataan dalam Bahasa Melayu dan Arab dengan tepat, fasih dan betul.
- 6.3 Pembaca doa seboleh-bolehnya individu yang mempunyai akhlak dan sahsiah yang baik yang tidak dipertikai oleh pendengar dan masyarakat.
- 6.4 Pembaca doa mestilah mengetahui kesesuaian doa yang dibaca bagi satu-satu majlis yang diadakan.

7 TATACARA DAN ADAB-ADAB MEMBACA DOA

- 7.1 Pembaca doa hendaklah datang ke majlis lebih awal sebelum majlis dimulakan.
- 7.2 Pembaca doa hendaklah mempastikan lokasi di mana tempat bacaan doa.
- 7.3 Sebelum memulakan doa, pembaca doa hendaklah memberi tanda hormat kepada tetamu khas



**PANDUAN TATACARA PEMBACAAN DOA DALAM MAJLIS-MAJLIS
RASMI DAN SEPARUH RASMI KERAJAAN DI
HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH**

dan lain-lain tetamu yang hadir.

- 7.4 Pembaca doa hendaklah mengangkat tangan ketika berdoa.
- 7.5 Pembaca doa hendaklah membaca dengan nada suara yang sesuai dengan maksud ayat di samping suara yang jelas, tidak terlalu laju dan hendaklah dibaca dengan khusyuk serta tawadu'.
- 7.6 Tidak digalakkan pembaca doa membalikkan tangan taktala memohon tolak bala'.

8 PAKAIAN

- 8.1 Pembaca doa hendaklah memakai pakaian yang bersesuaian dan jika memakai pakaian kebangsaan hendaklah lengkap bersampin dan bersongkok.

9 TEKS DOA

9.1 Mukaddimah Doa dan Penutup

- i. Permulaan doa hendaklah mengandungi lafaz '*Bismillahirrahmanirrahim*' disusuli dengan puji-pujian kepada Allah Ta'alaa dan seterusnya selawat ke atas Nabi Muhammad Sallahu 'alaihi wasallam;
- ii. Doa seelok-eloknya didahului dengan bacaan dalam Bahasa Arab dan diikuti dengan doa dalam bahasa-bahasa lain;
- iii. Pada bahagian akhir doa seelok-eloknya mengandungi bacaan selawat dan Tahmid dalam Bahasa Arab;

9.2 Isi Kandungan Doa

- i. Teks doa hendaklah mengandungi permohonan untuk keselamatan, kesejahteraan umum dan diikuti dengan permohonan doa secara khusus sesuai dengan majlis berkenaan;
- ii. Isi kandungan doa juga boleh diterjemah dalam Bahasa Inggeris, Arab dan bahasa-bahasa lain, sesuai dengan hadirin dan majlis tersebut;
- iii. Teks doa setiap perenggan sebaik-baiknya disebut nama-nama Allah (Asmaul Husna)



**PANDUAN TATACARA PEMBACAAN DOA DALAM MAJLIS-MAJLIS
RASMI DAN SEPARUH RASMI KERAJAAN DI
HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH**

dan sifat-sifat Allah sesuai dengan perkara yang dipohon seperti ‘*Yaa Razzaq*’ (Yang Maha Pemberi Rezeki) bagi doa untuk memohon rezeki;

- iv. Sekiranya majlis yang dianjurkan dihadiri oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong sama ada sebagai perasmian majlis atau jemputan khas, pembaca doa hendaklah menyebut secara khusus doa kesejahteraan yang ditujukan kepada Baginda sendiri sebagai satu penghormatan kepada pemimpin agama Islam paling tinggi dalam Negara;
- v. Teks doa juga sewajarnya menyebut doa kesejahteraan secara umum kepada pemimpin-pemimpin negara serta ummah keseluruhannya;
- vi. Teks doa tidak perlu menyebut perkataan-perkataan yang boleh menimbulkan suasana tidak harmoni di kalangan masyarakat dan negara;

9.3 Masa Pembacaan Doa

- i. Masa berdoa bagi majlis rasmi atau separuh rasmi baik-baiknya pada permulaan majlis tersebut;
- ii. Tempoh masa untuk membaca doa tidak melebihi lima (5) minit;

9.4 Tempat Majlis Berdoa

- i. Hendaklah di tempat perhimpunan yang bertujuan untuk kebaikan dan bersesuaian dengan ajaran Islam;
- ii. Tempat yang tidak mencemarkan kesucian agama Islam;
- iii. Majlis berkenaan tidak mengandungi unsur-unsur maksiat , khurafat dan bertentangan dengan syariat Islam;

9.5 Tempat Pembaca Doa

- i. Penganjur hendaklah menyediakan tempat duduk yang sesuai untuk pembaca doa;
- ii. Tempat bacaan doa hendaklah di atas pentas (jika ada pentas);



PANDUAN TATACARA PEMBACAAN DOA DALAM MAJLIS-MAJLIS RASMI DAN SEPARUH RASMI KERAJAAN DI HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH

10 MAJLIS YANG DITEGAH UNTUK BACAAN DOA

- 10.1 Majlis yang mengandungi perayaan agama lain atau terdapat acara kebudayaan, nyanyian atau hiburan yang bercampur baur dengan perkara-perkara yang bercanggah dengan syarak sama ada persebahannya atau seni katanya;
- 10.2 Mana-mana program, atau aktiviti, yang mengandungi unsur-unsur maksiat dan melalaikan, tidak dibenar untuk dilaksanakan bacaan doa rasmi;
- 10.3 Pada kelazimannya program, atau aktiviti, yang mengandungi unsur-unsur maksiat dan melalaikan itu, antaranya adalah seperti berikut:
 - i. Pertunjukan fesyen yang tidak sesuai dengan syarak;
 - ii. Hiburan dan nyanyian yang diiringi dengan tari-menari;
 - iii. Senikata nyanyian yang lucah, tidak sopan, membangkitkan nafsu syahwat dan melalaikan;
 - iv. Pertandingan memperagakan diri di khalayak ramai seperti ratu cantik, ratu kebaya, bina badan dan seumpamanya;
 - v. Mengandungi unsur-unsur yang menyerupai amalan kepercayaan atau agama lain seperti *candlelight vigil*, sambutan *valentine day* dan seumpamanya.
 - vi. Mana-mana program perayaan atau sambutan berbentuk keagamaan oleh badan atau pertubuhan **selain daripada agama Islam** juga adalah dilarang dilakukan bacaan doa rasmi;
 - vii. Mana-mana program yang boleh menggugat keharmonian dan membawa kepada permusuhan serta perpecahan dalam masyarakat majmuk;
- 10.4 **Maksiat** dari segi bahasa bermakna derhaka dan maksiat. Manakala dari segi istilah pula ialah perbuatan yang membawa dosa iaitu yang bertentangan dengan akidah, syariat dan ajaran Islam sama ada dengan melakukan larangan Allah dan Rasul atau meninggalkan suruhan Allah dan Rasul-Nya, dengan kata lain melakukan yang haram dan meninggalkan yang wajib. Perbuatan



**PANDUAN TATACARA PEMBACAAN DOA DALAM MAJLIS-MAJLIS
RASMI DAN SEPARUH RASMI KERAJAAN DI
HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH**

tersebut memberi kesan kepada kehidupan seseorang dalam akidah, syariat ataupun akhlak (sila rujuk keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-39 yang bersidang pada 21 Sep 1995).

- 10.5 **Khurafat** ialah semua cerita atau rekaan atau khayalan, ajaran-ajaran, pantang larang, adat istiadat, ramalan-ramalan, pemujaan atau kepercayaan yang menyimpang dari ajaran Islam. Khurafat juga merangkumi cerita dan perbuatan yang direka dan bersifat karut atau dusta (sila rujuk keputusan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-40 yang bersidang pada 9 Aug 1996).
- 10.6 Hiburan yang diharuskan perlu memenuhi syarat-syarat berikut :
- i. Tujuan penganjuran nyanyian untuk kebaikan;
 - ii. Berpakaian sopan serta menutup aurat;
 - iii. Tidak bercampur aduk lelaki perempuan sehingga menimbulkan fitnah dan merangsang kemaksiatan;
 - iv. Senikata/ lirik bermutu dan tidak bercanggah dengan hukum syarak;
 - v. Tempat dan gaya persembahan yang tidak mengundang maksiat;
 - vi. Majlis yang tidak melibatkan penyembahan dan atau memberi penghormatan kepada tugu atau patung;

11. PENUTUP

Panduan Membaca Doa Dalam Majlis Rasmi Dan Separuh Rasmi ini diharap dapat dijadikan rujukan panduan kepada pembaca-pembaca doa khususnya dan penganjur program rasmi dan separuh rasmi amnya, khususnya di Hospital Sultan Abdul Aziz Shah sama ada di peringkat Jabatan, Unit, Kelab, Persatuan dan lain-lain program dan aktiviti.